

DASAR PERTANIAN NEGARA WUJUDKAN SEKTOR PERTANIAN KOMERSIL  
KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Dasar Pertanian Negara 1992-2010 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, yang mempunyai enam strategi jangka panjang bagi mewujudkan satu sektor pertanian yang moden dan bercorak komersil.

Dasar itu yang menggantikan DPN yang terdahulu turut menggabungkan falsafah dan haluan pembangunan baru seperti yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Wawasan 2020.

Menurut dasar itu, strategi yang akan digunakan bagi menjayakan DPN ialah penggunaan sumber secara optimum, pemesanan pembangunan insdustri berasaskan pertanian, penyelidikan dan pembangunan, peranan utama sektor swasta, pembentukan semula pemasaran dan pembangunan insdustri makanan yang dinamik.

Melalui penggunaan sumber secara optimum, pemulihan dan penyatuan tanah yang terbiar akan diberi tumpuan yang lebih dan usaha itu akan dilengkapi dengan pembentukan satu pelan pembangunan tanah yang komprehensif.

Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, yang memberi penjelasan kepada kira-kira 5,000 golongan petani dan mereka yang terlibat dengan pembangunan pertanian di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, berkata, DPN juga akan memberikan galakan kepada pertumbuhan-pertumbuhan peladang dan nelayan untuk menyertai perusahaan komersil dan perniagaan tani termasuk menjalankan usahasama dengan pelabur-pelabur tempatan dan asing. -- Lagi.

▼01/02/18-34MST

R GB 01-02 00145 BH253

BAH

Pertanian - Dasar 2 Kuala Lumpur

"Selain itu, satu dasar makanan yang menekankan aspek kualiti dan khasiat makanan juga akan dibentuk dan dilaksanakan bagi melengkapkan usaha-usaha mewujudkan sektor pertanian yang moden," katanya.

Sanusi berkata, bagi menjayakan dasar itu, DPN menetapkan kecekapan sebagai kriteria utama bagi peruntukan sumber sebagai asas penting mencapai pertumbuhan dan pembangunan dalam sektor pertanian.

"Objektif utama dasar ini ialah memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber-sumber secara optimum," katanya.

Beliau berkata, selain itu matlamat DPN yang khusus ialah pencapaian pembangunan seimbang antara sektor pembuatan dan pencapaian pembangunan insdustri makanan pada tahap yang lebih tinggi dan menyeluruh.

Matlamat pertambahan nilai tokok sektor pertanian sehingga tahun 2010 ialah 3.1 peratus setahun manakala guna tenaga pertanian akan menurun pada kadar 1.6 peratus setahun dan menyumbang 11.2 peratus kepada jumlah guna tenaga menjelang 2010, katanya. -- Lagi.

▼01/02/18-36MST

R GB 01-02 00145 BH254

BAH

Pertanian - Dasar 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata, DPN bertujuan mencapai pertumbuhan produktiviti buruh dalam pertanian pada kadar 4.8 peratus setahun iaitu lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan produktiviti buruh bagi sektor pembuatan.

"Penggunaan teknologi moden yang meluas akan digalakkan untuk menyokong perubahan dalam sistem pengeluaran ladang dan pertanian," katanya.

Katanya, melalui DPN kerajaan akan menumpukan kepada meningkatkan pengeluaran dalam sektor pertanian negara bukan sahaja untuk menampung keperluan pasaran dalam negeri tetapi juga untuk dieksport.

"Di samping itu aktiviti-aktiviti pertanian lain seperti ikan akuarium, binatang kesayangan dan pengeluaran pokok-pokok hiasan dan ubat-ubatan juga akan dipertingkatkan," katanya.

Beliau berkata, bagi menjayakan DPN kementerian itu akan memberikan kursus kepada semua pemimpin peladang bagi memastikan mereka mampu membawa perubahan kepada golongan petani.

"Taman Pertanian Cahaya Seri Alam akan digunakan sepenuhnya untuk tujuan itu," katanya. -- Bernama./SN